



Demi Keselamatan, Brazil Memilih

Oleh Mohd Firdaus A.J. (jaeyfirdaus@ukm.edu.my) & Nik Hasif (nikhasif@ukm.edu.my)



Gambar: Cris Faga

Pada 28 Oktober yang lepas, Brazil telah menjalani pilihan raya pusingan kedua dengan memilih Jair Bolsonaro dari Parti Liberal Sosial (PLS) sebagai Presiden Brazil yang ke-38.

Dengan 55.1 peratus undian, Bolsonaro telah berjaya mengalahkan lawannya, Fernando Haddad dari Parti Pekerja (Partido dos Trabalhadores [PT]) dengan kiraan undi sebanyak 44.9 peratus.

Selepas 17 hari keputusan pilihan raya diumumkan, perhatian penganalisis politik Amerika Latin masih lagi tertumpu pada perihai yang membawa kepada pemilihan beliau.

Jair Bolsonaro bukanlah seorang politikus baru dalam arena politik tempatan. Beliau telah terlibat dalam politik sejak dari tahun 1991 lagi apabila dilantik menjadi ahli Kongres yang mewakili kawasan Rio de Janeiro di Dewan Rakyat (Câmara dos Deputados).

Namun, Bolsonaro bukanlah sebuah nama yang dikenali. Suara beliau mula didengari apabila beliau mengeluarkan beberapa kenyataan kontroversi yang

menyentuh isu-isu perkauman, bentuk badan dan perwatakan wanita dan golongan homoseksual melalui media sosial sehinggakan beliau digelar 'Trump of the Tropics'.

Seperti Trump, rakyat Brazil beranggapan bahawa Brazil amat memerlukan seorang pemimpin yang peka dan mendengar keluhan rakyat khususnya dalam soal keselamatan.

Sebagai contoh, rekod yang diperolehi dari Forum Keselamatan Awam Brazil (Fórum Brasileiro de Segurança Pública) mencatatkan statistik keselamatan Brazil berhubung dengan jenayah pembunuhan pada tahun 2017 berada di tahap yang tinggi.

Sebanyak 63,880 kes telah direkodkan pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 2.6 peratus dari jumlah kes yang dicatatkan pada tahun 2016. Ini bermakna, bagi setiap 100,000 orang di Brazil, sebanyak 30.8 orang mati akibat daripada pembunuhan.

Usaha beliau untuk memerangi jenayah dan menurunkan kadar pembunuhan bukanlah satu retorik pilihan raya semata-mata.

Malah, Bolsonaro sendiri pernah ditikam sewaktu beliau sedang berkempen di pilihan raya pusingan pertama.

Bertitik tolak dari kejadian tersebut, Bolsonaro tekad untuk memperbaiki krisis keselamatan yang dihadapi Brazil pada hari ini dengan tiga langkah utama: i) melonggarkan undang-undang menyekat pemilikan dan membawa senjata api, ii) memperlengkapkan polis dengan kelengkapan tentera dan iii) memberi kuasa membunuh kepada polis untuk memerangi jenayah.

Justeru, kesediaan beliau untuk memerangi jenayah sekaligus menjamin keselamatan individu telah membuatkan rakyat berasa yakin bahawa pemilihan beliau merupakan satu pemilihan yang tepat.

Kemenangan Bolsonaro pada pilihan raya pusingan kedua turut membuatkan sebahagian rakyat Brazil berasa terkejut. Mereka beranggapan bahawa Brazil tidak memerlukan seorang pemimpin yang bersifat 'fasis' dan 'populis' seperti yang berlaku di Amerika Syarikat lalu menampakkan penolakan terhadap beliau melalui proses mengundi dan kempen-kempen terbuka yang dijalankan oleh orang perseorangan serta badan-badan bukan kerajaan yang mewakili kumpulan-kumpulan tertentu.

“Sebanyak 63,880 kes telah direkodkan pada tahun 2017. Ini bermakna, bagi setiap 100,000 orang di Brazil, sebanyak 30.8 orang mati akibat daripada pembunuhan.”

“Justeru, kesediaan beliau untuk memerangi jenayah sekaligus menjamin keselamatan individu telah membuatkan rakyat berasa yakin bahawa pemilihan beliau merupakan satu pemilihan yang tepat.”



Gambar: Fabio Motta

Penolakan Bolsonaro berlaku disebabkan oleh tingkah laku, gaya ucapan dan kenyataan yang beliau lontarkan ketika menjadi ahli Kongres dan sepanjang proses berkempen dijalankan.

Pada Julai 1993, umpamanya, beliau pernah mengeluarkan kenyataan yang menyokong pentadbiran diktator. Malah, beliau turut menyokong tindakan membunuh mereka yang menentang rejim tentera.

Kenyataan ini dikeluarkan lapan tahun selepas Brazil berjaya menumbangkan kerajaan diktator yang memerintah selama 21 tahun (1964-1985).

Pada tahun 2003 pula, Bolsonaro pernah mengeluarkan kenyataan yang bersifat misogynis terhadap ahli Kongres Maria do Rosário ketika sesi temu bual sedang berlangsung. Dalam temu bual tersebut, Bolsonaro menzahirkan rasa tidak bersetuju dengan hukuman yang dikenakan ke atas remaja bawah umur yang merogol dan membunuh seorang remaja perempuan.

Mendengari kenyataan tersebut, Rosário telah menggasak dan

melabel beliau sebagai seorang yang menyokong kekejaman kerana menggesa remaja terbabit ditangkap dan dikenakan hukuman seperti pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan yang sama. Pertengkaran yang berlaku di antara kedua-dua belah pihak turut membuatkan Bolsonaro dituduh sebagai ‘perogol’.

Akibat daripada tuduhan berkenaan, Bolsonaro bertempik dengan kenyataan yang beliau tidak akan merogol Rosário kerana tidak berbaloi untuk diperlakukan sedemikian. Akibat terlalu marah, beliau juga telah mengeluarkan kata panggilan kesat apabila menjawab kenyataan yang dilontarkan.

Sikap machismo beliau dan kenyataan-kenyataan kontroversi yang dikeluarkan telah membuatkan beliau tidak digemari sehingga menjadi punca tercetusnya kemarahan di kalangan pengundi wanita.

Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan kempen menentang pemilihan beliau di Facebook dengan penyertaan seramai 2.5 juta wanita. Kumpulan ini bergerak melalui kempen menggunakan tanda pagar #EleNão (#BukanDia).

Latar belakang beliau sebagai bekas tentera yang menyokong pemerintahan bekas-bekas diktator turut mengundang penolakan rakyat. Rakyat Brazil rata-rata khuatir sekiranya beliau dilantik menjadi presiden, Brazil akan kembali ke era gelap yang pernah mereka lalui sebelumnya.

Pilihan raya presiden pada 2018 telah membuatkan Brazil terbahagi kepada dua kelompok. Kedua-dua kelompok ini memilih berdasarkan satu faktor utama iaitu faktor keselamatan.

“Sikap machismo beliau dan kenyataan-kenyataan kontroversi yang dikeluarkan telah membuatkan beliau tidak digemari sehingga menjadi punca tercetusnya kemarahan di kalangan pengundi wanita.”



Mohd Firdaus A.J dan **Nik Hasif** merupakan Felo di Pusat ilmu Kajian Amerika Latin (iKAL), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM. Kajian **Firdaus** tertumpu pada aspek keselamatan (tradisional dan bukan tradisional), pembentukan dan pembudayaan ‘budaya keamanan’ negara-negara di rantau Amerika Latin khususnya di Costa Rica dan Amerika Tengah. **Nik Hasif** pula berminat dalam isu-isu yang melibatkan migrasi, budaya dan kebudayaan masyarakat tempatan serta bahasa Sepanyol di Amerika Latin, khususnya Mexico.